

24 AUG 1998

MAHATHIR-EKONOMI/I

PELANCARAN KEMBARA TUNJUKKAN EKONOMI TIDAK SEBURUK MANA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelancaran Perodua Kembara, kenderaan pacuan empat roda pertama yang dibuat di negara ini, membuktikan bahawa ekonomi Malaysia tidaklah seburuk yang diwarwarkan oleh orang-orang asing.

Bercakap pada pelancaran kereta pacuan empat roda nasional itu, katanya tempahan disahkan sebanyak 475 unit Kembara itu menunjukkan bahawa rakyat Malaysia "masih ada dua atau tiga ringgit untuk dibelanjakan ke atas kereta baru."

Berlatar belakangkan keadaan itu, katanya orang asing merasakan bahawa mesti ada sesuatu yang salah dengan tanggapan kita terhadap kelembapan ekonomi.

Mereka telah berkata Malaysia melakukan semua perkara yang salah yang bercanggah dengan nasihat wartawan-wartawan asing "yang seolah-olah lebih tahu dalam memerintah negara-negara, lebih baik daripada mana-mana kerajaan di dunia."

Beliau juga membidas "wartawan-wartawan asing yang peliknya kekal menjadi wartawan dan tidak menjadi menteri-menteri di mana-mana negara."

Katanya dunia berpendapat bahawa ekonomi Malaysia adalah di dalam keadaan teruk dan hampir tuntu dan perlu bantuan daripada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

"Yeng peliknya, kita lancara kereta baru," katanya sambil disambut tepukan daripada lebih daripada 1,000 tetamu yang menghadiri pelancaran itu.

Perdana Menteri juga menyatakan keyakinan bahawa Kembara akan diterima baik oleh orang ramai kerana kenderaan itu adalah pacuan empat rodal yang paling murah di dalam kategorinya.

Katanya Kembara adalah di dalam bentuk aerodinamik dan boleh diterima baik dengan wajah "kekotak" kenderaan empat roda lain.

Bagi sebuah negara sedang membangun, Malaysia boleh berbangga dalam mengeluarkan Kembara dalam zaman mencabar ini.

Beliau juga berkata Perodua akan dapat mengeksport Kembara ke seberang laut di masa akan datang.

Di dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata bahawa beliau telah menguji sebuah Kancil 850 cc suntikan terus dan terkejut bahawa ia benar-benar boleh memacu laju tetapi tidak menyatakan sama ada kereta itu akan memasuki pengeluaran besar-besaran.

Dengan harga yang berpatutan, rakyat Malaysia boleh membeli lebih banyak Kancil, mungkin merugikan Proton," katanya berseloroh. -- BERNAMA

AD MR OS